

Rundingan teknikal isu tuntutan 40 peratus hasil Sabah bermula esok

PM minta usah dipolitikkan atau seleweng fakta ketika berkempen

Oleh Safwan Sawi
bhnews@bh.com.my

Penampang: Datuk Seri Anwar Ibrahim menegaskan, Kerajaan Pusat pimpinannya tidak akan berundur dalam usaha menunaikan hak Sabah berkaitan tuntutan 40 peratus hasil negeri ini seperti termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan.

Justeru itu, Perdana Menteri berkata, proses rundingan teknikal akan dibuat secara teratur esok di Kota Kinabalu membatik Kerajaan Persekutuan dan negeri.

Katanya, mesyuarat itu akan dihadiri Ketua Setiausaha Perbendaharaan Kementerian Kewangan bersama Setiausaha Kerajaan Negeri Sabah bagi menyelesaikan perkara teknikal tertunggak dalam Perjanjian Malaysia 1963 (MA63) selaras keputusan Jemaah Menteri.

"Jemaah menteri bincang beberapa kali kita putuskan, setuju pada Isnin ini, Ketua Setiausaha

Perbendaharaan akan turun ke Kota Kinabalu, kita akan bincang isu teknikal 40 peratus dengan Setiausaha Kerajaan Negeri Sabah.

"Kita serius. Ada pula peguam-peguam bising soal rayuan sedangkan kita tak pernah rayu sebab (hak) 40 peratus. Saya nak tegaskan, selaku Perdana Menteri mewakili Jemaah Menteri dan kerajaan, kita tidak rayu kerana 40 peratus itu hak Sabah.

"Apa lagi yang mahu dipolitikkan? Nak pilihan raya, silakan. Nak kempen, kempenlah tapi jangan pusing fakta macam dulu waktu kamu berkuasa, kamu pun tak selesai isu ini," katanya ketika berucap pada Program Temu Anwar Harapan Urang Muda Sabah di Pusat Teknologi dan Komersial Antarabangsa (ITCC) di sini, semalam.

Yang turut hadir Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Mustapha Sakmud dan Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari.

Kerajaan Persekutuan komited

Perdana Menteri menjelaskan perincian rayuan kerajaan yang menimbulkan kekeliruan kebelakangan ini sambil menegaskan ia bukan hak 40 peratus tetapi terhadap alasan penghakiman yang boleh dianggap mengecilkkan jasa pentadbiran terdahulu sejak 1974.



Anwar hadir pada Program Temu Anwar Harapan Urang Muda Sabah di Pusat Teknologi dan Komersial Antarabangsa, Penampang, semalam. (Foto Adam Arinin/BH)

"Yang kita rayu bukan hak 40 peratus itu. Yang kita rayu hanya bahagian penghakiman yang menyatakan kerajaan-kerajaan sejak 1974 melanggar prinsip Perlembagaan *unconstitutional* (tidak berperlembagaan).

"Saya tak mahu jadi Perdana Menteri yang menghina Perdana Menteri dahulu sebab itu saya minta Peguam Negara rayu untuk betulkan bahagian itu sahaja," katanya.

Anwar menekankan, Kerajaan Persekutuan komited menyelesaikan isu fiskal Sabah dengan penuh hormat terhadap sejarah politik negara serta tidak mahu isu itu dijadikan modal kempen sehingga menjejaskan perpaduan.

"Kita sudah jelaskan soal 40 peratus itu hak Sabah dan kita tidak rayu. Kita hanya betulkan perkara teknikal dalam penghakiman. Tak perlu kita hina pemimpin lama, yang juga punya jasa besar. Fokus kita ialah menyelesaikan hak Sabah secara tertib dan adil," katanya.

Anwar berkata, walaupun keputusan mahkamah baru-baru ini menyatakan bahawa kerajaan sejak 1974 telah bertentangan dengan Perlembagaan da-

lam hal pelaksanaan hak tersebut, namun penemuan itu tidak harus dijadikan modal politik untuk menyalahkan individu atau generasi kepimpinan terdahulu.

Beliau berkata, perkara itu adalah interpretasi undang-undang dan tidak perlu menghina pemimpin terdahulu yang banyak berjasa kepada negara.

Anwar berkata, tumpuan kini adalah menyelesaikan tuntutan itu secara profesional menerusi kerjasama kerajaan negeri dan Persekutuan, bukannya membangkitkan sentimen atau mempolitikkan kesilapan 1ampau.

Ditanya mengenai isu bekalan air di Sabah, Perdana Menteri menzahirkan keyakinan bahawa isu tersebut dapat diselesaikan sepenuhnya tahun hadapan, selain memastikan semua projek utiliti asas di negeri itu disiapkan tanpa sebarang kelewatan.

Beliau berkata, masalah air yang berlarutan sejak puluhan tahun di Sabah kini berada dalam proses penyelesaian menyeluruh selepas kerajaan meluluskan sejumlah peruntukan besar bagi menaik taraf prasarana berkaitan di negeri itu.

Katanya, Kerajaan Persekutuan meluluskan RM360 juta khusus untuk projek air di Sabah, selain RM1.2 bilion untuk keperluan elektrik, selaras usaha memastikan penduduk negeri ini menikmati kemudahan asas yang setara dengan negeri-negeri lain.

"Macam air ini daripada laporan terakhir, insya-Allah 2026, tahun depan selesai semua (isu) air di Sabah atau mungkin sebahagiannya," katanya.

Anwar turut menyeru golongan muda menggunakan hak mereka dengan penuh tanggungjawab, termasuk memilih pemimpin berasaskan integriti dan keupayaan, bukan sentimen perkauman atau kenegerian.

Beliau menegaskan bahawa masa depan negara bergantung kepada kebijaksanaan generasi muda menilai siapa yang benar-benar bekerja untuk rakyat.

"Jangan pilih kerana warna kulit atau kerana negeri. Pilih yang betul-betul mahu membela rakyat," katanya sambil mengingatkan Malaysia tidak akan aman jika setiap pihak hanya mementingkan kaum atau kelompok sendiri.